

30 APR 1997

#### MIRZAN JANGKA FAEDAH SINERGI DARIPADA OPERASI KPB DAN TRANSMILE

PETALING JAYA, 30 April (Bernama) -- Pengerusi Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) Mirzan Mahathir, merancang untuk mengusahakan sinergi yang dibekalkan oleh pembekal kargo tempatan, Transmile Group Bhd, dengan menawarkan perkhidmatan logistik bersepadu bagi rantau Asia Pasifik.

Mirzan adalah salah seorang daripada pemegang saham utama KPB, salah satu daripada pengusaha utama industri perkapalan dan pengangkutan tempatan. Beliau adalah juga pengerusi Transmile.

"Kami sedang cuba mengendalikan penghantaran barangan syarikat antarabangsa yang menempatkan operasi pembuatan mereka di seluruh rantau ini dengan membekalkan perkhidmatan lengkap jalan raya, laut dan kargo udara," katanya.

"Melalui pengambilan sistem "masa yang tepat" dan teknologi maklumat KPB dan Transmile, kami boleh membantu syarikat antarabangsa itu mengoptimumkan kawalan barangan mereka," katanya kepada pemberita pada Kongres Kebangsaan Wawasan 2020, di sini hari ini.

Sistem "masa yang tepat" bermula di Jepun dimana sesebuah syarikat pembuatan membuat stok barangan yang perlu untuk tempoh singkat bagi kegunaannya sendiri. Barangan yang dihantar kepada syarikat pembuatan akan ditetapkan masanya supaya stok-stok itu sentiasa dikekalkan pada paras yang rendah.

Mirzan berkata KPB telah mengenal pasti Transmile sebagai sebuah rakan kongsi memandangkan kepakaran dan pengetahuannya mengenai industri kargo dan juga hakikat bahawa Transmile sedang mengembangkan perkhidmatannya di rantau ini.

"Kami berharap memulakan perkhidmatan logistik pelbagai modul menjelang akhir tahun ini," tambahnya.

Mengenai persaingan daripada pembekal logistik bersepadu lain yang lebih kukuh, beliau berkata: "Kami percaya terdapat kelebihan dalam memulakan lewat."

"Kami mempunyai kelebihan tertentu daripada segi kos dan sistem maklumat yang berkesan," katanya, sambil menambah bahawa KPB dan Transmile merancang untuk bersaing dengan menawarkan yang sebaik mungkin.

Sebagai sebahagian daripada pembesarnya dan persediaan bagi perkongsian dengan KPB, Mirzan berkata Transmile sedang melihat untuk membesarkan kumpulan pesawatnya untuk menambah kekuatan kepada tujuh buah pesawat Boeing 737 yang sedia ada.

Pembesaran kumpulan pesawat itu akan melalui pemilikan sama ada pesawat udara baru atau terpakai, katanya, sambil menambah bahawa saiz dan bilangan pesawat akan bergantung kepada jumlah perniagaan dan laluan yang ia boleh liputi.

Beliau juga berkata bahawa Transmile telah memohon kepada kerajaan untuk kelulusan meluaskan laluan di rantau ini.

"Kami terpaksa bergantung kepada sokongan kerajaan. Kami mahu mengembang," katanya.

Mengenai perkembangan terbaru Westport Holdings Sdn Bhd, yang KPB berminat membelinya jika ditawarkan, beliau hanya berkata "ia masih berjalan."

Westport Holdings adalah pengendali Pelabuhan Barat yang terletak di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Ditanya sama ada syarikat itu telah mengemukakan cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk memiliki saham Westport

Holdings, beliau berkata, "Saya tidak dapat berkata lebih lanjut." --  
BERNAMA  
AD/JR OS/sia